

# DERIVA MS AQUEOUS GEL

Adapalene Gel Microspheres 0.1% w/w

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Deriva MS Aqueous Gel
2. Bagaimana Deriva MS Aqueous Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Deriva MS Aqueous Gel
4. Cara menggunakan Deriva MS Aqueous Gel
5. Semasa menggunakan Deriva MS Aqueous Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Deriva MS Aqueous Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Deriva MS Aqueous Gel

Deriva MS Aqueous Gel ialah ubat preskripsi topikal kulit untuk rawatan jerawat (*acne vulgaris*) di kalangan individu berumur 12 tahun ke atas.

Acne vulgaris ialah masalah kulit yang mempunyai *blackhead*, *whitehead* dan jerawat.

Ia tidak diketahui sama ada Deriva MS Aqueous Gel selamat dan efektif untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

## Bagaimana Deriva MS Aqueous Gel berfungsi

Deriva MS Aqueous Gel mengandungi ubat adapalene yang mempunyai kesan anti-radang yang efektif mengurangkan radang dan kerengsaan.

## Sebelum menggunakan Deriva MS Aqueous Gel

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Deriva MS Aqueous Gel jika anda alergi (alah) terhadap adapalene atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini. Sila lihat bahagian akhir risalah ini untuk senarai bahan-bahan kandungan Deriva MS Aqueous Gel.

### - Sebelum mula menggunakan Deriva MS Aqueous Gel

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai:

- masalah kulit yang lain termasuklah masalah ekzema dan keradangan kulit *seborrhoeic*.
- masalah kesihatan yang lain
- masalah jerawat yang serius

### -Ibu mengandung atau menyusui

Ia tidak diketahui sama ada Deriva MS Aqueous Gel bahaya untuk bayi yang belum lahir. Kegunaan adapalene tidak direkomen untuk wanita hamil. Sila bincang dengan doktor jika anda hamil atau bercadang untuk hamil.

Ia tidak diketahui sama ada Deriva MS Aqueous Gel boleh meresap ke dalam susu ibu dan bahaya untuk bayi. Bincang dengan doktor untuk cara lain untuk menyusui bayi sekiranya rawatan Deriva MS Aqueous Gel perlu diteruskan.

Elak sapu di bahagian dada bagi mengelakkan pendedahan Deriva MS Aqueous Gel kepada bayi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda ada mengambil ubat yang lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pusat beli-belah atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor sekiranya anda ada mengambil ubat yang lain untuk rawatan jerawat. Namun, ubat jerawat topikal seperti erythromycin atau clindamycin phosphate atau benzoyl peroxide boleh digunakan di waktu pagi manakala Deriva MS Aqueous Gel digunakan di waktu malam.

Anda harus tahu ubat yang diambil. Simpan senarai ubat dan tunjukkan kepada doktor atau ahli farmasi apabila anda di beri ubat baru.

## Cara menggunakan Deriva MS Aqueous Gel

Bersihkan & keringkan bahagian kulit yang akan disapu Deriva MS Aqueous Gel.

Picit tiub dengan hujung jari anda untuk amaun gel yang kecil dan sapukan lapisan nipis pada seluruh bahagian muka dan mana-mana bahagian kulit lain yang berjerawat.

### - Berapa banyak harus digunakan

Gunakan Deriva MS Aqueous Gel sebagaimana yang telah diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini untuk kegunaan kulit sahaja. Jangan guna dalam atau pada mulut, mata atau faraj (*vagina*).

Sapu Deriva MS Aqueous Gel satu kali sehari pada waktu malam.

- Bila perlu digunakan

Deriva MS Aqueous Gel harus digunakan pada bahagian berjerawat mengikut prekripsi doktor. Jika arahan tidak diberi, anda boleh guna satu kali sehari pada waktu malam sebelum tidur, selepas cuci muka.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangkamasa rawatan bergantung kepada jangkamasa yang diambil bagi jerawat anda bertambah baik. Dalam tempoh rawatan, anda harus kerap berjumpa doktor supaya doktor dapat menilai keberkesanan rawatan jerawat anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menyapu ubat ini, sapu ubat sebaik sahaja anda teringat seperti biasa. Jika anda mempunyai soalan lanjut, sila bertanya dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jangan guna lebih daripada yang diperlukan pada bahagian kulit yang perlu dirawat. Penggunaan secara berlebihan atau lebih dari satu kali sehari mungkin boleh meningkatkan keberangkilian kerengsaan kulit, termasuk kemerahan, pengupasan kulit atau ketidakselesaan.

**Semasa menggunakan Deriva MS Aqueous Gel**

- Perkara yang perlu dilakukan

- Anda harus elak cahaya matahari semulajadi atau tiruan, termasuk katil *tanning* atau *sunlamps*. Deriva MS

Aqueous Gel mungkin boleh meningkatkan risiko kanser kulit yang di sebabkan oleh cahaya ultraviolet.

- Anda harus pakai pelindung matahari dan pakai topi dan pakaian yang dapat tutup bahagian kulit yang dirawat dengan Deriva MS Aqueous Gel jika anda perlu terdedah kepada cahaya matahari.
- Anda harus elak produk-produk kulit yang boleh mengeringkan atau menyebabkan kerengsaan kulit seperti sabun yang kuat, astringen, produk-produk kosmetik yang mempunyai kesan pengeringan kulit yang kuat dan produk yang mempunyai kandungan alkohol yang tinggi.

Produk-produk kosmetik yang tidak menyebabkan blackhead atau kulit kering boleh digunakan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Deriva MS Aqueous Gel yang telah lepas tarikh luput.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan Mengguna Mesin*

Ubat ini tidak mengganggu aktiviti memandu atau menggunakan mesin. Namun, jika ubat ini menyebabkan anda berasa tidak sihat, pening atau letih, jangan memandu atau menggunakan mesin. Hubungi doktor anda segera.

**Kesan-kesan Sampingan**

Deriva MS Aqueous Gel boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan serius termasuk:

- Kemerahan kulit (erythema)
- Kulit kering
- Kulit berskala
- Kulit gatal (pruritus)
- Kulit rasa sengit/ terbakar
- Sunburn
- Masalah jerawat bertambah

Anda boleh guna pelembap kulit untuk mengurangkan kesan kulit kering atau kerengsaan kulit. Namun, anda harus elakkan produk-produk yang berminyak.

Beritahu doktor jika anda dapat mana-mana kesan sampingan yang tidak menghilang. Senarai di atas bukanlah senarai penuh kesan-kesan sampingan adapalene. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan Deriva MS Aqueous Gel**

- Penyimpanan

Deriva MS Aqueous Gel harus disimpan di bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya.

Simpan ubat dari penglihatan dan capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan guna produk ini selepas tarikh luput yang dicetakkan pada kotak atau tiub ubat.

**Nombor Siri**

NPRA(R2/1)210215/624

Jangan buang ubat dalam air kumbahan atau sisa buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubatan yang sudah tidak diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Deriva MS Aqueous Gel boleh didapati dalam bentuk tiub 15g.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Adapalene 0.1% w/w (sebagai microspheres) dalam *aqueous gel base*

- Bahan-bahan tidak aktif

Methyl hydroxybenzoate BP 0.1% w/w, Phenoxyethanol BP 0.25% w/w

- Nombor MAL:

MAL10120013AZ

**Pengilang**

Glenmark Pharmaceuticals Ltd  
Plot No E-37 , 39, D-Road , MIDC ,  
Satpur , Nashik -422 007,  
Maharashtra State , India

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Glenmark Pharmaceuticals  
(Malaysia) Sdn Bhd  
D-31-02, Menara Suezcap 1,  
No. 2, Jalan Kerinchi,  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

23/11/2020